

Kawasan wabak rabies bertambah

KUCHING - Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak semalam mengisytiharkan dua lagi kawasan baharu wabak anjing gila atau rabies yang didapati positif iaitu di kawasan Kampung Entubuh, Tebedu dan Batu 5, Jalan Semeba, Kuching.

Sekretariat JPBN Sarawak dalam satu kenyataan berkata, keputusan itu dibuat hasil perbincangan antara Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi JPBN, Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Datuk Dr. Sim Kui Hian.

"Pengisytiharan warta ini dimaklumkan kerana terdapat kes positif virus pada anjing di kedua-dua kawasan berkenaan," kata kenyataan itu.

Sekretariat itu berkata, berikutan tambahan tersebut, jumlah kawasan wabak telah bertambah kepada 20 kawasan. - Bernama